



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN **PEMASANGAN JERIJI DI RUMAH KEDIAMAN**

Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

"CEPAT DAN MESRA"





PENDAHULUAN

Negara sering digemparkan dengan insiden kematian penghuni rumah kediaman akibat daripada kebakaran. Amat menyedihkan apabila mangsa tidak dapat menyelamatkan diri apabila berlaku kebakaran kerana terhalang dengan jerji yang dipasang secara kekal/tetap. Orang ramai juga tidak dapat membantu menyelamatkan mangsa kerana terhalang dengan jerji tersebut yang dipasang pada pintu dan tingkap. Jerji yang dipasang juga menyukarkan pihak bomba untuk menyelamatkan mangsa kerana jerji dipasang pada setiap pintu dan tingkap.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menasihati orang ramai, khususnya pemilik rumah kediaman supaya tidak memasang jerji kekal/tetap pada pintu dan tingkap kerana ia menyukarkan penghuni untuk keluar menyelamatkan diri semasa berlaku kecemasan/kebakaran. Sekiranya pemasangan jerji perlu bagi tujuan “security”, adalah dinasihatkan supaya jerji yang dipasang adalah dari jenis jerji boleh buka dari dalam bagi tujuan “safety” penghuni rumah kediaman.

Garis Panduan Pemasangan Jerji Di Rumah Kediaman ini disediakan oleh JBPM sebagai alternatif kepada pemilik rumah kediaman untuk memasang jerji boleh buka pada pintu dan tingkap. Pemasangan jerji yang disyorkan ini mempunyai ciri-ciri keselamatan (*security dan safety*) yang boleh menghalang orang yang tidak diingini daripada masuk ke dalam rumah kediaman dan pada masa yang sama membolehkan penghuni keluar menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan/kebakaran.

Garis panduan ini diharap dapat membantu orang ramai memahami kensem pemasangan jerji di rumah kediaman. Pemasangan jerji boleh buka dapat mencegah penghuni daripada terperangkap di dalam rumah kediaman sekiranya berlaku kecemasan/kebakaran, seterusnya kematian semasa kebakaran dapat dicegah atau dikurangkan. Penghuni juga digalakkan membuat latihan pengungsian bangunan supaya dapat keluar dari rumah kediaman dengan selamat dan cepat sekiranya berlaku kecemasan/kebakaran. Justeru itu, marilah kita bersama-sama menyelamatkan nyawa dan harta benda daripada kebakaran.

**BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
PUTRAJAYA
2019**



A) PEMASANGAN JERIJI DI RUMAH KEDIAMAN

Pada masa ini tidak terdapat peruntukan undang-undang bagi tatacara Pemasangan Jeriji Di Rumah Kediaman. Namun beberapa nasihat dan penulisan telah dibuat agar pemasangan jeriji di rumah kediaman hendaklah selamat kepada penghuninya.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga telah menyarankan perkara-perkara berikut :

1. Pemasangan jeriji jenis kekal tidak digalakkan bagi rumah kediaman.
2. Jika perlu, pemasangan jeriji mestilah :
 - 2.1 Mempunyai tatacara membuka tanpa kunci dan mudah dibuka dari dalam premis ketika kecemasan;
 - 2.2 Kos pemasangan dan penyelenggaraan yang tidak membebankan; dan
 - 2.3 Merujuk dan mendapat nasihat dari pegawai jabatan.
3. Jika pemasangan dengan kunci diperlukan, tatacara pembukaannya mestilah mudah dilakukan oleh semua peringkat umur dan golongan.

B) KESESUAIAN LOKASI PEMASANGAN JERIJI 'MUDAH BUKA'

Pemasangan jeriji mudah buka bukanlah meliputi semua tingkap yang ada pada rumah kediaman 2 atau 3 tingkat. Lokasinya perlulah bersesuaian dan strategik bagi tujuan melepaskan diri semasa kecemasan seperti kebakaran. Adalah disarankan pemasangannya pada sesuatu tingkap dengan mengambil kira faktor-faktor berikut :


- i. Tingkap bilik di mana ada penghuni yang tidur
- ii. Sekiranya sesebuah bilik mempunyai lebih dari satu tingkap, pemasangan jeriji 'mudah buka' dipasang hanya pada satu tingkap sahaja.
- iii. Pemasangan pada tingkap yang menghala ke balkoni atau laluan yang selamat.

Perhatian :

Pemasangan jeriji pada kediaman seperti asrama, rumah kedai, tempat perhimpunan dan hotel juga perlu diberi perhatian serius. Faktor yang perlu diberi diambil kira seperti kategori penghuni dan laluan melepaskan diri semasa kecemasan perlu dikaji dengan teliti terlebih dahulu sebelum pemasangan jeriji dibuat.


C) REKABENTUK JERIJI 'MUDAH BUKA'

Jabatan ini menyediakan beberapa rekabentuk jeriji 'mudah buka' sebagai panduan kepada orang ramai. Ilustrasi rekabentuk seperti pada lampiran.


ILUSTRASI
{1}ILUSTRASI BINGKAI JERIJI TINGKAP YANG BOLEH DIBUKA
PANDANGAN HADAPAN



ILUSTRASI UNTUK MEMBUKA JERIJI TINGKAP (KEDUDUKAN SEMASA TIDAK BERKUNCІ)




Tarik Pin Untuk Membuka Jeriji



Gelungsurkan Jeriji Untuk Membuka Tingkap




**TIGA UNIT CONTOH JERIJI BAGI TINGKAP -
DUA UNIT DIPASANG MATI DAN SATU UNIT BOLEH DIBUKA
DARIPADA DALAM - JENIS ENSEL DAN BER-“PAD-LOCK”**





**TIGA UNIT CONTOH JERIJI BAGI TINGKAP -
DUA UNIT DIPASANG MATI DAN SATU UNIT BOLEH DIBUKA
DARIPADA DALAM - JENIS ENSEL DAN "SPRING-LOADED LOCK"**




CATITAN :

Rekabentuk jaring-jaring (jeriji) hendaklah sama agar tidak dapat dibezakan antara jeriji mati dan yang boleh dibuka.

PARAS LANTAI



**PANDANGAN DARIPADA DALAM BAGI JERIJI
UNTUK TINGKAP JENIS GELUNGSUR (SLIDING WINDOW) -
DUA UNIT DIPASANG MATI DAN SATU UNIT BOLEH DIBUKA.
(DIGELUNGSURKAN DARIPADA BESI DI BAHAGIAN ATAS/BAWAH)**



CATITAN :


1. Hendaklah dipastikan pemasangan jeriji ini kuat dan tidak mudah dicungkil daripada luar.
2. Penggunaan "pad lock" atau "spring loaded lock" hendaklah berpandukan kepada ciri-ciri yang digariskan sebelum ini.

PETUNJUK :

- 01** : Jarak yang sesuai antara kedua-dua "spring loaded" supaya mudah dibuka kedua-duanya.
- 02** : Besi untuk menggerakkan/menyokong jeriji besi agar dapat digelungsurkan dengan mudah.




• TINGKAP JERIJI JENIS GELUNGSUR (SLIDING)




PETUNJUK:

- 01 : Pemegang ditolak
- 02 : Besi penyelak akan jatuh
- 03 : Jeriji besi terus boleh digelungsur

ILUSTRASI
{5.1}




• **TINGKAP JERIJI JENIS LIPAT (FOLDING)**







• TINGKAP JERIJI JENIS (GELUNGSUR DAN LIPAT)





• TINGKAP JENIS "LOUVERS" BESERTA "SECURITY MILD STEEL BARS"




ILUSTRASI
{8}


PANDANGAN DARI DALAM
JERIJI DIPASANG DI BAHAGIAN LUAR BAGI TINGKAP JENIS GELUNGSUR




PANDANGAN DARI DALAM BAGI JERIJI YANG DILENGKAPI DENGAN PENYELAK "SPRING-LOADED"



Kepingan besi (Steel Plate) bagi mengelakkan pintu dibuka dengan mudah daripada luar.





Tanda anak panah menunjukkan jerji yang boleh dibuka dari dalam

“CEPAT DAN MESRA”



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-8892 7600

No. Faks : 03-8888 0840

E-mel : korporat.bomba@1govuc.gov.my

Laman Web : www.bomba.gov.my